

16 suspek ditahan kes tikam pelajar

Polis percaya kejadian tak terbabit gengster

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail
nazuri@bharian.com.my

KLANG: Seramai 16 remaja termasuk dua orang berumur 17 tahun dan sudah tidak bersekolah ditahan bagi membantu siasatan kes empat pelajar cedera termasuk seorang parah ditikam selepas diserang sekumpulan lelaki berhampiran hentian bas di sebuah sekolah di Kapar, dekat sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Klang, Asisten Komisioner Mohamad Mat Yusop, berkata remaja 17 tahun itu yang dipercayai menikam pelajar Tingkatan Satu, Mohd Faris Sabri, 13, itu ditahan bersama rakan sebayanya dalam operasi di sekitar daerah ini, pagi semalam.

Katanya, dua remaja 17 tahun itu ditahan untuk mem-

B.H 14/2/03 M/S 19
bantu siasatan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan.

Katanya, 14 pelajar termasuk dari Sekolah Menengah Tengku Idris Shah berusia antara 15 tahun hingga 17 tahun pula ditahan bagi membantu siasatan kejadian kelmarin dan satu lagi pergaduhan, Selasa lalu.

"Mereka ditahan di sekitar Kapar dan Klang untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 148 Kanun Keseksaan dan Seksyen 324 Kanun Keseksaan.

"Kita percaya kes tikam pelajar semalam (kelmarin) mempunyai kaitan dengan dua kes pergaduhan sebelumnya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mohamad berkata, siasatan awal mendapati, pergaduhan itu berlaku kerana mahu membalas dendam dan tidak membabitkan kumpu-

lan gengster.

Dalam kejadian jam 1.10 tengah hari kelmarin, Mohd Faris dan tiga rakannya diserang sekumpulan lelaki kerana disangka terbabit dalam pergaduhan, Selasa lalu.

Mohd Faris yang cedera di lengan kiri dan pinggul kanan dirawat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang manakala tiga lagi pelajar Tingkatan Satu dan Dua dirawat sebagai pesakit luar.

Sementara itu, Pengarah Pelajaran Selangor, Dr Zahri Aziz menasihatkan ibu bapa supaya tidak panik dan bimbang dengan keselamatan anak mereka yang belajar di sekolah itu.

Katanya, polis bersetuju mengadakan rondaan yang lebih kerap di kawasan sekolah itu hasil hasil permintaan pihaknya.